



# ISTIADAT NAIK BUAI

PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN  
NEGERI PERAK

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN  
MALAYSIA

Cetakan Pertama 2004

ISBN-983-41604-0-2

Diterbitkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Editor : Habsah binti Mohd Noordin

Hakcipta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Kebudayaan.

Penerbit

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak,  
Taman Budaya Perak,  
Jalan Caldwell Off Jalan Raja DiHilir,  
30350 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-2537001  
Fax: 05-2417017

Rekabentuk & dicetak oleh:  
SAKAN MULTI TRADING  
IPOH



# Gerbang Bicara

Penerbitan buku Istiadat Naik Buai yang telah diusahakan oleh Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak merupakan alternatif ke arah menjamin kesinambungannya agar seluruh aspek Istiadat ini dikenali, difahami dan diamalkan. Ia bertujuan ke arah melahirkan generasi yang menghargai keindahan dan keunikan adat resam yang mereka miliki.

Istiadat Naik Buai ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan disebaliknya tersirat falsafah dan perjalanan adat tersebut yang perlu ditonjolkan kepada generasi kini dan sekaligus mengekalkannya daripada terus pupus ditelan arus kemodenan dan dipinggirkan dek kerana percambahan budaya barat.

Semoga penerbitan buku ini akan dapat menjadikan panduan dan rujukan kepada para pembaca.

SELAMAT MEMBACA

Norliza Rofli  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



## Sekilas Bicara

Penerbitan buku ini merupakan salah satu usaha mengenangkan adat naik buai untuk dibaca dan difahami oleh setiap golongan masyarakat, kerana kegemilangan Istiadat naik buai semakin pudar. Tanpa usaha kearah mendokumentasikan dalam apa juga media, pastinya ia akan terus dilupakan oleh generasi akan datang.

Terdapat banyak falsafah yang tersirat disebalik istiadat naik buai ini. Ia bukan sahaja sebagai satu cara untuk meraikan kelahiran anak dalam satu-satu keluarga, malahan sebagai satu cara memaklumkan kepada masyarakat akan kelahirannya. Bagi si anak pula didendangkan dengan dendangan yang sarat dengan nasihat dan pesanan supaya anak ini akan menjadi insan berguna apabila dewasa kelak.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam membuat penyelidikan sehingga terhasilnya buku ini. Sesungguhnya ia banyak memberi manfaat kepada masyarakat seluruhnya. Semoga usaha ini akan berterusan demi mengembalikan kegemilangan seni dan budaya bangsa.

Sekian

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Habsah Binti Mohd Noordin".

Habsah Binti Mohd Noordin  
Pengarah  
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia